

**PERATURAN PEMARKAHAN  
PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)  
TAHUN 2022**

**1223/1 (PP)  
Pendidikan Islam  
Peraturan  
Pemarkahan  
2022**

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

---

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak

**PERATURAN PEMARKAHAN**  
**PENDIDIKAN ISLAM**

Soalan			Jawapan	Markah
<b>1</b>	<b>(a)</b>	<b>(i)</b>	<p><b>Maksud sunnatullah:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sistem dan peraturan yang ditetapkan oleh Allah SWT terhadap semua makhluk/ dan tiada siapa yang boleh menghalang atau mengubah ketetapan tersebut.</li> </ul>	(1 isi x 2m= 2 m)
		<b>(ii)</b>	<p><b>Dua konsep sunnatullah berserta contoh: [Jelaskan]</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sunnatullah bersifat tetap dan kekal dengan izin Allah SWT/ contoh azab yang menimpa kepada kaum terdahulu seperti kaum Thamud dll. Mana-mana umat yang yang membuat kejahatan tetap akan menerima balasan dengan izinnya.</li> <li>- Sunnatullah yang merangkumi semua makhluk/ contoh semua makhluk Allah yang di langit atau bumi yang sukarela atau terpaksa akan sujud kepadanya.</li> <li>- Sunnatullah berasaskan kepada konsep sebab, musabab dan akibat/ contoh kejadian awan dan hujan berlaku melalui proses penyejatan dan kondensasi.</li> </ul>	(2 isi x 2m= 4m) Ayat lengkap  Konsep= 1m Contoh= 1m
		<b>(iii)</b>	<p><b>Dua sebab Allah SWT musnahkan kaum terdahulu: [Jelaskan]</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Bersifat angkuh dan sombong.</li> <li>- Menuduh nabi Salleh pendusta.</li> <li>- Ingkar perintah Allah SWT.</li> <li>- Mengamalkan homoseks.</li> <li>- Kufur dengan Allah SWT.</li> </ul>	(2 isi x 1m= 2m) Ayat lengkap
		<b>(iv)</b>	<p><b>Pengajaran ayat: [Terangkan]</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kita hendaklah menyakini bahawa Allah SWT telah mengatur kehidupan manusia/ bersesuaian dengan peraturan dan ketetapannya.</li> <li>- Kita hendaklah menjadi pengembara di muka bumi/ supaya dapat mengetahui dan menyelidiki sunnatullah.</li> <li>- Kita hendaklah menyakini bahawa al-Quran adalah petunjuk ke arah kebenaran/ bagi orang yang beriman.</li> <li>- Kita hendaklah menjaga keimanan/ agar beroleh kedudukan yang tinggi di sisi Allah SWT.</li> <li>- Kita hendaklah mengkaji dan menyelidiki sejarah umat terdahulu/ agar menjadi pedoman dalam kehidupan.</li> <li>- Kita hendaklah menjauhi sikap lemah dan mudah berputus asa/ ketika menerima ujian dalam kehidupan.</li> </ul> <p>Catatan: (<i>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima</i>)</p>	(1 isi x 2m= 2m)  Isi= 1m Huraian= 1m

	(b) (i)	<p><b>Dua golongan yang mendapat naungan Allah SWT selain menyembunyikan sedekah:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pemimpin yang adil.</li> <li>- Pemuda yang hidupnya taat beribadat kepada Allah SWT.</li> <li>- Seseorang yang hatinya sentiasa mencintai masjid.</li> <li>- Dua orang yang saling mengasihi kerana Allah SWT, bertemu dan berpisah kerana Allah SWT.</li> <li>- Seseorang yang membenci perbuatan maksiat kerana takut kepada Allah SWT.</li> <li>- Seseorang yang mengingati Allah SWT sehingga menitikiskan air mata.</li> </ul>	(2 isi x 1m= 2m)										
	(ii)	<p><b>Dua contoh menyembunyikan sedekah:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Memberikan sumbangan kewangan secara perbankan atas talian.</li> <li>- Mewakafkan tanah bagi tujuan pembinaan masjid.</li> <li>- Membelanja makan kenalan dikedai makan tanpa diketahuinya.</li> </ul> <p>Catatan: <i>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.</i></p>	(2 isi x 1m= 2m)										
	(iii)	<p>Kebelakangan ini ramai penyumbang yang berkongsi di media sosial berkaitan sumbangan yang diberikan sehingga ada yang bergambar bersama para penerima. Kemukakan pandangan anda tentang situasi tersebut.</p> <p><b>Rubrik penskoran</b></p> <table border="1" data-bbox="392 1317 1190 1664"> <thead> <tr> <th>Deskriptor</th> <th>Skor</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Menyatakan isi sahaja</td> <td>1 markah</td> </tr> <tr> <td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas</td> <td>2 markah</td> </tr> <tr> <td>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh menyokong isi yang diberi.</td> <td>3 markah</td> </tr> <tr> <td>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh menyokong isi yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td> <td>4 markah</td> </tr> </tbody> </table> <p><b>Cadangan isi:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Baik jika bertujuan untuk menarik minat orang lain bersedekah/ motivasi.</li> <li>2. Tidak sesuai kerana boleh memalukan penerima/ penerima tidak selesa.</li> <li>3. Kurang sesuai kerana boleh menimbulkan fitnah.</li> </ol>	Deskriptor	Skor	Menyatakan isi sahaja	1 markah	Menjelaskan isi berserta huraian ringkas	2 markah	Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh menyokong isi yang diberi.	3 markah	Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh menyokong isi yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.	4 markah	(4 markah)
Deskriptor	Skor												
Menyatakan isi sahaja	1 markah												
Menjelaskan isi berserta huraian ringkas	2 markah												
Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh menyokong isi yang diberi.	3 markah												
Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh menyokong isi yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.	4 markah												

		(c)	<b>Hukum tajwid</b> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 50%; text-align: center;">HUKUM MAD SILAH</th> <th style="width: 50%; text-align: center;">CARA BACAAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Mad Silah Towilah</td> <td>Dibaca sepanjang empat atau lima harakat</td> </tr> <tr> <td>Mad Silah Qasiroh</td> <td>Dibaca sepanjang dua harakat</td> </tr> </tbody> </table>	HUKUM MAD SILAH	CARA BACAAN	Mad Silah Towilah	Dibaca sepanjang empat atau lima harakat	Mad Silah Qasiroh	Dibaca sepanjang dua harakat	(2 isi x 1m= 2m) Hukum= 1m Cara bacaan= 1m Hukum salah= 0m
HUKUM MAD SILAH	CARA BACAAN									
Mad Silah Towilah	Dibaca sepanjang empat atau lima harakat									
Mad Silah Qasiroh	Dibaca sepanjang dua harakat									
2	(a)	(i)	<b>Maksud nama Allah SWT as-Syahid:</b> Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Menyaksikan segala perbuatan (1M) dan mendengar segala ucapan makhluk (1M) serta tiada sesuatu pun yang tersembunyi daripadaNya (1M).	(1 isi x 2m= 2m)						
		(ii)	<b>Dua bukti Allah SWT bersifat as-Syahid:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Allah SWT menjadi saksi perutusan Rasulullah SAW ke atas umatnya.</li> <li>- Allah SWT Maha Menyaksi dan menghitung segala amal perbuatan manusia.</li> <li>- Allah SWT sahaja yang menjadi saksi atas segala perkara yang nyata dan tersembunyi. Allah SWT menjadi saksi pembohongan orang-orang munafik.</li> </ul>	Ayat Lengkap (2 isi x 2m= 4m)						
		(iii)	<b>Dua hikmah beriman dengan nama Allah SWT as-Syahid.</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menjadi asas kepada seseorang beriman kepada Allah SWT/ agar bersih dari pegangan yang sesat.</li> <li>- Menjadikan seseorang sentiasa berwaspada dalam semua keadaan/ kerana yakin kepada Allah SWT.</li> <li>- Berusaha melakukan perintah Allah SWT/ agar menjadi seorang mukmin yang benar.</li> <li>- Berusaha menjauhi larangan Allah SWT/ kerana merasakan Allah SWT sentiasa menyaksikan perbuatannya.</li> </ul>	(2 isi x 2m= 4m)  Isi= 1m Huraian= 1m						
	(b)	(i)	<b>Maksud iman terbatal melalui perbuatan:</b> Melakukan perbuatan atau amalan yang jelas menunjukkan kekufuran.	(1 isi x 2m= 2m)						
		(ii)	<b>Dua contoh perbuatan yang boleh membatalkan iman:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sujud kepada berhala atau makhluk dengan sengaja.</li> <li>- Meletakkan peralatan agama lain atau memberikan penghormatan kepadanya.</li> <li>- Melakukan upacara ibadat lain.</li> <li>- Mengoyak mushaf al-Quran.</li> <li>- Meletakkan ayat-ayat suci al-Quran, hadis Nabi, nama-nama Allah SWT, nama-nama rasul, malaikat dan buku-buku agama di tempat yang tidak sesuai dengan tujuan menghina atau merendah-rendahkannya.</li> </ul>	(2 isi x 1m= 2m)						

		<p>(iii) <b>Dua kesan melakukan perkara yang membatalkan iman terhadap individu:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Rosak segala amalan soleh dan ibadat yang dilakukan.</li> <li>- Tidak diampunkan dosanya oleh Allah SWT sekiranya tidak bertaubat dan kembali kepada Islam.</li> <li>- Diharamkan memasuki syurga dan kekal di dalam neraka.</li> <li>- Hilang hak terhadap harta pusaka yang ditinggalkan oleh keluarga muslim.</li> </ul> <p>Catatan: Fokus kepada individu sahaja <i>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.</i></p>	<p>(2 isi x 1m= 2m) Ayat lengkap</p>										
		<p>(iv) Berdasarkan petikan ayat al-Quran, berikan hujah anda mengapakah perbuatan tersebut merupakan kezaliman yang besar kepada individu yang terlibat.</p> <p><b>Rubrik penskoran</b></p> <table border="1" data-bbox="405 943 1206 1417"> <thead> <tr> <th>Deskriptor</th> <th>Skor</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Menyatakan pandangan sahaja</td> <td>1 markah</td> </tr> <tr> <td>Menjelaskan pandangan Huraian ringkas</td> <td>2 markah</td> </tr> <tr> <td>Menghuraikan pandangan Huraian lengkap Contoh yang menyokong isi yang diberi.</td> <td>3 markah</td> </tr> <tr> <td>Merumuskan pandangan Huraian lengkap Contoh yang menyokong alasan yang diberi Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td> <td>4 markah</td> </tr> </tbody> </table> <p><b>Cadangan isi: (punca berlaku)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Merupakan faktor kebinasaan seseorang.</li> <li>- Menyebabkan terbatalnya iman seseorang.</li> </ul>	Deskriptor	Skor	Menyatakan pandangan sahaja	1 markah	Menjelaskan pandangan Huraian ringkas	2 markah	Menghuraikan pandangan Huraian lengkap Contoh yang menyokong isi yang diberi.	3 markah	Merumuskan pandangan Huraian lengkap Contoh yang menyokong alasan yang diberi Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.	4 markah	<p>(4 Markah)</p>
Deskriptor	Skor												
Menyatakan pandangan sahaja	1 markah												
Menjelaskan pandangan Huraian ringkas	2 markah												
Menghuraikan pandangan Huraian lengkap Contoh yang menyokong isi yang diberi.	3 markah												
Merumuskan pandangan Huraian lengkap Contoh yang menyokong alasan yang diberi Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.	4 markah												

3	(a)	(i)	<p><b>Dua perkara wajib haji selain daripada niat ihram di miqat.</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Bermalam di Muzdalifah.</li> <li>- Melontar di Jamratul Kubra.</li> <li>- Bermalam di Mina.</li> <li>- Melontar di ketiga-tiga jamrah.</li> <li>- Meninggalkan perkara yang dilarang semasa ihram.</li> </ul>	(2isi X 1m= 2m)								
		(ii)	<p><b>Dua jenis miqat</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Miqat Makani</li> <li>- Miqat Zamani</li> </ul>	(2isi X 1m= 2m)								
		(iii)	<p><b>Dua perkara yang dilarang untuk wanita yang mengerjakan haji dan umrah</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menutup muka.</li> <li>- Memakai sarung tangan.</li> </ul>	(2isi X 1m= 2m) Ayat lengkap								
		(iv)	<p><b>Hukum dan alasan bagi situasi berikut :</b></p> <p>(i) Muhammad berada di Muzdalifah pukul 3 pagi 10 Zulhijah. Sah kerana beliau berada di sana mengikut dalam tempoh masa yang ditetapkan.</p> <p>(ii) Mariam menunaikan ibadat melontar di Jamratul Kubra bermula tengah malam 14 Zulhijah. Tidak sah kerana beliau melakukan ibadat tersebut tidak mengikut masa yang ditetapkan./ 14 Zulhijah telah tamat waktu melontar jamrah</p>	(2isi X 2m= 4m)  Hukum= 1m Alasan= 1m  Hukum (√) alasan (x)= 1m Hukum (x) dan alasan (√)= 0m								
	(b)	(i)	<p><b>Maksud ijab dan qabul:</b> Ijab ialah lafaz yang diucapkan oleh wali atau wakilnya. Qabul ialah lafaz yang diucapkan oleh bakal suami atau wakilnya.</p>	(2 isi x 1m=2m) Ijab= 1m Qabul= 1m								
		(ii)	<p><b>Dua syarat lafaz akad nikah:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menggunakan lafaz kahwin atau nikah atau terjemahan yang tepat daripada kedua-duanya.</li> <li>- Lafaz ijab dan qabul hendaklah jelas dan bukan secara kiasan.</li> <li>- Ijab dan qabul hendaklah berturutan dan tidak diselangi dengan perkataan lain.</li> </ul>	(2 isi x 2m= 4m) Ayat lengkap								
		(iii)	<p>Pendapat terhadap penganjuran kursus kahwin. <b>Rubrik penskoran</b></p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Deskriptor</th> <th style="text-align: center;">Skor</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Menyatakan pandangan sahaja</td> <td style="text-align: center;">1 markah</td> </tr> <tr> <td>Menjelaskan pandangan Huraian ringkas</td> <td style="text-align: center;">2 markah</td> </tr> <tr> <td>Menghuraikan pandangan</td> <td></td> </tr> </tbody> </table>	Deskriptor	Skor	Menyatakan pandangan sahaja	1 markah	Menjelaskan pandangan Huraian ringkas	2 markah	Menghuraikan pandangan		(4markah)
Deskriptor	Skor											
Menyatakan pandangan sahaja	1 markah											
Menjelaskan pandangan Huraian ringkas	2 markah											
Menghuraikan pandangan												

			<table border="1"> <tr> <td>Huraian lengkap Contoh yang menyokong isi yang diberi.</td> <td>3 markah</td> </tr> <tr> <td>Merumuskan pandangan Huraian lengkap Contoh yang menyokong alasan yang diberi Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td> <td>4 markah</td> </tr> </table> <p><b>Cadangan isi: (manfaat)</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Memberikan pendedahan awal alam perkahwinan mengenai hukum hakam dalam perkahwinan menurut syarak.</li> <li>2. Menjadikan pasangan lebih bersedia.</li> </ol>	Huraian lengkap Contoh yang menyokong isi yang diberi.	3 markah	Merumuskan pandangan Huraian lengkap Contoh yang menyokong alasan yang diberi Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.	4 markah							
Huraian lengkap Contoh yang menyokong isi yang diberi.	3 markah													
Merumuskan pandangan Huraian lengkap Contoh yang menyokong alasan yang diberi Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.	4 markah													
4	(a)	(i)	<p><b>Asal nama kerajaan Uthmaniyah</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sultan Uthman bin Ertughrul.</li> <li>- Sultan Murad I bin Urkhan.</li> <li>- Sultan Muhammad Al-Fatih bin Murad II.</li> <li>- Sultan Sulaiman Al-Qanun bin Salim I.</li> </ul>	(1 isi x 2m= 2m)										
		(ii)	<p><b>Dua faktor kegemilangan kerajaan Uthmaniyah dari aspek sosial.</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Penjagaan kebajikan rakyat/ menerusi bantuan kepada golongan yang memerlukan.</li> <li>- Mewujudkan suasana harmoni/ dalam kalangan masyarakat.</li> <li>- Mewujudkan sistem wakaf yang sistematik/ meliputi aspek keperluan asas, pendidikan dan kesihatan.</li> </ul>	(2 isi x 2m= 4m)  Isi=1m Huraian=1m										
		(iii)	<p>Langkah yang perlu diambil oleh pemimpin sekarang untuk mencapai kejayaan kerajaan Uthmaniyah.</p> <p><b>Rubrik penskoran</b></p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Deskriptor</th> <th>Skor</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Menyatakan pandangan sahaja</td> <td>1 markah</td> </tr> <tr> <td>Menjelaskan pandangan Huraian ringkas</td> <td>2 markah</td> </tr> <tr> <td>Menghuraikan pandangan Huraian lengkap Contoh yang menyokong isi yang diberi.</td> <td>3 markah</td> </tr> <tr> <td>Merumuskan pandangan Huraian lengkap Contoh yang menyokong alasan yang diberi Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td> <td>4 markah</td> </tr> </tbody> </table> <p><b>Cadangan isi: (Fokus pada cara)</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kembali kepada ajaran Islam yang sebenar berdasarkan Al-Quran dan Sunnah.</li> <li>2. Menguasai ilmu fardu ain dan fardu kifayah.</li> </ol>	Deskriptor	Skor	Menyatakan pandangan sahaja	1 markah	Menjelaskan pandangan Huraian ringkas	2 markah	Menghuraikan pandangan Huraian lengkap Contoh yang menyokong isi yang diberi.	3 markah	Merumuskan pandangan Huraian lengkap Contoh yang menyokong alasan yang diberi Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.	4 markah	[4 markah]
Deskriptor	Skor													
Menyatakan pandangan sahaja	1 markah													
Menjelaskan pandangan Huraian ringkas	2 markah													
Menghuraikan pandangan Huraian lengkap Contoh yang menyokong isi yang diberi.	3 markah													
Merumuskan pandangan Huraian lengkap Contoh yang menyokong alasan yang diberi Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.	4 markah													

			3. Melaksanakan tanggungjawab berdasarkan syariat	
	(b)	(i)	<p><b>Riwayat hidup Imam as-Syafie secara ringkas:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Nama penuhnya ialah Muhammad bin Idris as-Syafie.</li> <li>- Dilahirkan pada tahun 150 Hijrah di Ghazzah.</li> <li>- Wafat pada tahun 204 Hijrah.</li> <li>- Kuniyahnya ialah Abu Abdullah.</li> <li>- Sanggup tinggal bersama Arab Badwi .</li> <li>- Sanggup bermusafir jauh.</li> <li>- Berani menegakkan kebenaran.</li> <li>- Sangat pemurah kepada fakir miskin.</li> </ul>	(3 isi x 1m =3m)
		(ii)	<p><b>Tiga sumbangan beliau dalam sejarah Islam</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menghasilkan karya al-Musnad.</li> <li>- Menghasilkan karya al-Umm.</li> <li>- Menghasilkan karya ar-Risalah.</li> <li>- Mengasaskan mazhab Syafie berdasarkan rujukan seperti Qias.</li> <li>- Menghasilkan murid yang terkenal seperti Imam Ahmad bin Hanbal.</li> </ul>	(3 isi x 1m= 3m)
		(iii)	<p><b>Dua iktibar daripada kesungguhan Imam as-Syafie dalam menuntut ilmu:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tabah menghadapi kesukaran dalam menuntut ilmu/ agar menjadi insan yang hebat di sisi Allah SWT.</li> <li>- Sanggup berkorban tenaga dan masa untuk menuntut ilmu/ agar mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat.</li> <li>- Tidak mudah berputus asa/ apabila mengalami kekecewaan atau kegagalan.</li> </ul>	(2 isi x 2m= 4m)  Isi -1m Huraian=1m
5	(a)	(i)	<p><b>Dua adab terhadap orang sakit dari aspek fizikal.</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Memastikan tempat pesakit sentiasa bersih.</li> <li>- Memastikan tubuh badan pesakit sentiasa bersih.</li> <li>- Menyediakan keperluan dan kemudahan asas untuk pesakit.</li> </ul>	(2isi x 1m= 2m) Ayat lengkap
		(ii)	<p><b>Dua hikmah beradab kepada orang sakit.</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menggembirakan pesakit/ agar hatinya tenang dalam menempuh ujian Allah SWT.</li> <li>- menguatkan atau mengukuhkan ukhuwwah masyarakat/ agar kehidupan diberkati Allah SWT .</li> <li>- Melahirkan rasa keinsafan/ kerana melihat penderitaan pesakit.</li> </ul> <p>Catatan: <i>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.</i></p>	(2isi x 2m= 2m)  Isi= 1m Huraian = 1m



	(iii)	<p>Ramalkan apakah yang akan berlaku, sekiranya situasi di atas diabaikan</p> <p><b>Rubrik penskoran</b></p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Deskriptor</th> <th>Skor</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Menyatakan isi sahaja.</td> <td>1 markah</td> </tr> <tr> <td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas.</td> <td>2 markah</td> </tr> <tr> <td>Menghuraikan isi beserta huraian lengkap dan contoh menyokong isi yang diberi.</td> <td>3 markah</td> </tr> <tr> <td>Menghuraikan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh menyokong isi yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td> <td>4 markah</td> </tr> </tbody> </table> <p><b>Cadangan isi :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Hilang semangat dan motivasi untuk meneruskan kehidupan.</li> <li>- Pesakit malas untuk melakukan ibadat.</li> <li>- Akan mengganggu ketenteraman jiwa.</li> <li>- Pesakit lambat sembuh.</li> </ul>	Deskriptor	Skor	Menyatakan isi sahaja.	1 markah	Menjelaskan isi berserta huraian ringkas.	2 markah	Menghuraikan isi beserta huraian lengkap dan contoh menyokong isi yang diberi.	3 markah	Menghuraikan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh menyokong isi yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.	4 markah	(4m)
Deskriptor	Skor												
Menyatakan isi sahaja.	1 markah												
Menjelaskan isi berserta huraian ringkas.	2 markah												
Menghuraikan isi beserta huraian lengkap dan contoh menyokong isi yang diberi.	3 markah												
Menghuraikan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh menyokong isi yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.	4 markah												
(b)	(i)	<p><b>Maksud kecemerlangan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pendekatan yang terbaik dalam melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran/ serta berkeyakinan teguh pada Allah SWT.</li> </ul>	1isi x 2m= 2m										
	(ii)	<p><b>Dua ciri untuk menjadi umat yang cemerlang di dunia dan akhirat.</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sentiasa melakukan kebaikan seperti memakmurkan bumi.</li> <li>- Mencegah diri daripada melakukan kezaliman, kefasikan dan kekejaman.</li> <li>- Menggunakan kekayaan di dunia untuk mendekati keradaan Allah SWT.</li> <li>- Melakukan semua tugas dan pekerjaan dengan ikhlas kerana Allah SWT.</li> </ul>	2isi x 1m= 2m Ayat lengkap										
	(iii)	<p><b>Dua cara mengamalkan prinsip wasatiyyah dalam kehidupan sebagai seorang murid.</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menunaikan tugas yang diberikan dengan penuh tanggungjawab.</li> <li>- Melakukan ibadat dengan ikhlas.</li> <li>- Tidak mengambil barang larangan/ menjauhi perkara yang dilarang.</li> </ul>	2isi x 1m= 2m Ayat lengkap										

		<p>(iv) <b>Dua hikmah melaksanakan prinsip wasatiyyah dalam kehidupan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Syiar Islam dapat ditegakkan/ dengan menyempurnakan akhlak dan nilai-nilai murni.</li> <li>- Pembangunan menyeluruh dan seimbang dapat diwujudkan/ kerana adanya kestabilan politik.</li> <li>- Ekonomi masyarakat yang stabil dapat dijanakan/ kerana tidak berlaku pembaziran.</li> <li>- Tahap pendidikan masyarakat dapat ditingkatkan/ mengikut keperluan negara.</li> <li>- Masyarakat yang aman damai dan bersatu padu dapat dibangunkan/ dengan melaksanakan prinsip keadilan.</li> </ul>	<p>2isi x 2m= 4m</p> <p>Isi = 1m</p> <p>Huraian = 1m</p>
--	--	--	--

### PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT